



KENYATAAN MEDIA

29 JUN 2016

TAHUN 2020: PENYAKIT MENTAL DI CARTA KEDUA TERTINGGI PENYAKIT DI MALAYSIA

Kangar, 29 Jun – Penyakit mental dijangka menduduki carta kedua penyakit paling ramai dihidapi oleh rakyat Malaysia selepas penyakit jantung pada tahun 2020 nanti.

Statistik yang dilaporkan adalah sangat membimbangkan di mana pada tahun 2008 menunjukkan kira-kira 400,227 pesakit di Malaysia mendapatkan bantuan psikiatri di hospital-hospital kerajaan, meningkat 15.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Namun, jumlah ini berkemungkinan tidak menggambarkan bilangan yang sebenar memandangkan masih ramai pesakit di luar sana yang memilih untuk tidak mendapatkan rawatan atau mempercayai rawatan tradisional.

“Penyakit mental terutamanya kemurungan dipercayai menjadi penyumbang kepada kenaikan jumlah pesakit mental di mana akhir-akhir ini akhbar tempatan kerap melaporkan banyak kes bunuh diri, terjun bangunan, mencederakan diri atau orang lain yang terjadi berkemungkinan disebabkan masalah kemurungan dan tekanan hidup.

“Kemurungan kronik sekiranya tidak dirawat segera boleh menyebabkan pesakit mengalami halusinasi dan keinginan untuk mencederakan diri atau membunuh diri,” kata Ketua Jabatan & Pakar Psikiatri, Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Dr Ruzita Jamaluddin ketika menyampaikan ceramah bertajuk ‘Menangani Stigma Penyakit Mental’ pada Seminar Kesedaran Minda Sihat Kepada Ketua-ketua Jabatan UniMAP di Auditorium

Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (PTSFP) di Kampus Induk UniMAP Pauh Putra, semalam.

Turut hadir memberikan ceramah adalah Pakar Psikiatri, HTF, Dr. Zarina Zainan Abidin dengan tajuk Pengurusan Stres.

Tambah Dr. Ruzita, jumlah bilangan pesakit mental semakin meningkat saban tahun berikutan 2000 kes baharu schizophrenia dilaporkan pada setiap tahun.

Beliau turut menyeru masyarakat untuk membuang stigma negatif mengenai pesakit mental dan memberi peluang kepada pesakit ini untuk berada dalam masyarakat serta tidak menyisih mereka hanya kerana mereka adalah pesakit mental.

“Rawatan dan pengambilan ubat yang bersesuaian mampu memulihkan mereka kembali seperti sedia kala.

“Menyisih dan mengasingkan mereka dari kehidupan dunia luar tidak akan membantu mereka malah tindakan ini akan memburukkan lagi keadaan pesakit ini,” katanya.

Beliau turut berkongsi fakta penting mengenai penyakit mental yang perlu diketahui oleh masyarakat terutamanya ahli keluarga atau mereka yang terdekat dengan pesakit ini.

Katanya, peringkat awal atau prodrome akan mengambil masa beberapa bulan hingga ke tiga tahun untuk menunjukkan perubahan dari segi pemikiran, emosi dan tingkah laku pesakit.

“Sentiasa peka dengan perubahan pemikiran, emosi dan tingkah laku ahli keluarga, pekerja mahupun pelajar di institusi kita kerana mereka mungkin sedang berlawanan dengan penyakit tersebut.

“Pengesanan awal dapat membantu dalam proses pemulihan pesakit di mana jika mereka masih di peringkat awal diagnos, pengambilan ubat dan

rawatan yang sewajarnya boleh membantu menyembuhkan mereka serta mengembalikan mereka kepada masyarakat,” katanya.

Masyarakat perlu memahami dengan lebih mendalam mengenai penyakit mental sebelum membuat pelbagai persepsi dan andaian negatif sehingga mengasingkan golongan ini dari kehidupan bermasyarakat.

Kefahaman dan pengetahuan mengenai penyakit mental akan membantu dalam pengesanan awal penyakit seterusnya rawatan yang sesuai dapat diberikan segera.

“Keengganan pesakit untuk berjumpa pakar psikiatri atau dikaitkan dengan penyakit mental adalah disebabkan persepsi dan pandangan negatif masyarakat tentang penyakit ini.

“Tindakan masyarakat itu hanya akan memburukkan lagi keadaan pesakit itu malah menjadi asbab kepada peningkatan jumlah pesakit mental di Negara ini.

“Hapuskan stigma dan diskriminasi sebaliknya berikan perhatian, kasih sayang, sokongan dan bantuan kepada golongan ini. Ianya tidak mudah tetapi tidak mustahil untuk dilaksanakan,” katanya.

Dikeluarkan Oleh :

Nurul Aida Othman

Unit Perhubungan Media UniMAP